

# E-PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN PELAJAR DI SEBUAH INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SELANGOR (E-Learning Among Students of Higher Education Institutions in Selangor)

\*Hazwani Mohd Najib<sup>1</sup>, Noor Raudhiah Abu Bakar<sup>1</sup>, Norziah Othman<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Faculty of Management and Muamalah  
International Islamic University College of Selangor  
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

\*Corresponding author's email: [raudhiah@kuis.edu.my](mailto:raudhiah@kuis.edu.my)

## Article History:

Submit: 3 February 2017

Accepted: 6 February 2017

Revised: 21 February 2017

Published: 16 June 2017

*Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*

*Vol. 1, No. 1 (2017), 74-82*

## Abstrak

E-pembelajaran boleh dikategorikan sebagai mod pembelajaran sepanjang hayat malah diterima baik kewujudannya dalam kalangan komuniti global. Masyarakat mulai sedar tentang kepentingan ilmu pengetahuan dan informasi dengan itu menerima konsep e-learning sebagai model pembelajaran sementara untuk masa hadapan. Pengaplikasian e-learning dalam pengajaran dan pembelajaran merupakan salah satu medium yang berkesan bagi sesebuah institusi pengajian tinggi dalam mencapai misi dalam menyediakan kemudahan pembelajaran yang kondusif sekaligus, mencapai dasar pembelajaran berkualiti menepati kehendak mahasiswa, 'stakeholder', ummah dan pasaran. Kertas kerja ini dihasilkan berdasarkan kajian yang mengenal pasti hubungan antara faktor-faktor seperti infrastruktur di dalam dan luar asrama serta sikap sendiri seseorang pelajar terhadap keberkesanan pembelajaran secara e-learning. Responden kajian terdiri daripada 200 orang pelajar diploma dan sarjana muda dari sebuah IPTS di Selangor. Hasil kajian daripada analisis regresi menunjukkan bahawa kesemua faktor ini mempunyai hubungan yang positif dengan tahap keberkesanan pembelajaran secara e-learning dalam kalangan pelajar tersebut. Ini menunjukkan bahawa faktor dalaman diri pelajar dan faktor luaran seperti kemudahan prasarana amat mempengaruhi tahap keberkesanan pembelajaran secara e-learning. Hasil kajian amat berguna kepada pihak pengurusan institusi pengajian agar memandang serius kesemua faktor ini dengan menambahbaik kemudahan prasarana terutamanya tahap liputan jaringan tanpa wayar.

**Kata kunci:** e-pembelajaran, infrastruktur asrama.

## Abstract

*E-Learning can be categorised as lifelong learning mode and its existence has been well received among the global community. People are beginning to realise the importance of knowledge and information therefore accept of the concept of e-learning as a learning model for future. The use of e-learning in teaching and learning is an effective medium to higher education institutions in achieving its mission of providing a conducive learning facility at the same time, achieve standard quality education to meet the needs of students, stakeholders, society and the market. This working paper was produced by a study on the correlation between factors such as infrastructure inside and outside the hostel and attitudes towards the effectiveness of e-learning. The respondents consisted of 200 diploma and bachelor students of one private university in the Selangor. Results of regression analysis showed that all of these factors have a positive relationship with the degree of effectiveness of e-learning among students. This shows that internal factors of students and external factors such as infrastructure greatly influences the effectiveness of e-learning. The finding of the study is useful for management of the university to take it seriously these factors to improve infrastructure especially wireless network coverage.*

**Keywords:** e-learning, hostel infrastructure.

## 1.0 PENDAHULUAN

Sepanjang sedekad yang lepas, proses pembelajaran yang bersifat tradisional semakin hari meniti arus yang berevolusikan dengan perkembangan dunia tanpa sempadan melalui penggunaan teknologi. Revolusi dalam pembelajaran dan aplikasi pendidikan komputer dan juga penggunaan komputer dalam pendidikan adalah masih baru dan berkembang dari hari ke hari sehingga akhirnya konsep E-Pembelajaran (*E-Learning*) berpandukan teknikal diperkenalkan untuk membekalkan ilmu pendidikan kepada pelajar melalui cara yang efektif. (Al-Mobaideen, Allahawiah, & alkhawaldeh, 2012).

Di Malaysia, pertambahan bilangan IPT menunjukkan terdapat permintaan terhadap pendidikan tinggi. Justeru, banyak universiti di Malaysia telah dirancang untuk menggunakan E-Pembelajaran (*E-Learning*) (Raja Hussain, 2004). Didalam web iKlik menyatakan bahawa pendidikan E-Pembelajaran (*E-Learning*) dianggap berbaloi dan fleksibel, nota dan tutorial yang boleh didapati dari Internet serta perkuliahan secara *on-line*. Secara tidak langsung, ianya dapat menjimatkan kos dan masa terutamanya bagi mereka yang berkerja sepenuh masa serta tempat tinggal yang jauh daripada universiti. Dalam ertikata yang lain, melalui pembelajaran secara maya ini, tiada lagi jurang masa dan jarak yang menjadi halangan untuk belajar .

Ciri-ciri E-Pembelajaran (*E-Learning*) berubah selaras dengan kemajuan dan pembangunan teknologi pendidikan. LMS (*Learning Management System*) digunakan oleh IPT sebagai pelantar (*platform*) untuk menyampaikan bahan pembelajaran secara talian. Kebanyakan bahan pembelajaran adalah di dalam bentuk teks atau persembahan dan lebih bersifat informasi dan individualistik. Walaupun strategi pembelajaran lebih berpusatkan pelajar, kolaborasi aktif antara pelajar dengan pelajar yang lain masih di tahap minimum (Mohd Koharudin, 2004; Jaya Kumar, 2001). Sebagai contoh, kolaborasi aktif hanya berlaku di dalam *chat groups* atau *bulletin board* antara pelajar apabila mereka menghadapi masalah dalam menyelesaikan tugas.

Kemunculan perkembangan teknologi pendidikan yang bermula dengan penggunaan komputer peribadi pada awal tahun 1980an telah mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran di semua institusi pendidikan. Pembelajaran elektronik atau E-Pembelajaran (*E-Learning*) diguna pakai dengan menggunakan alat medium elektronik dalam suasana pengajaran dan pembelajaran walaupun Internet belum lagi diperkenalkan pada ketika itu. Seiring dengan waktu, E-Pembelajaran (*E-Learning*) dikategorikan sebagai mod pembelajaran sepanjang hayat malah diterima baik kehadirannya dalam kalangan komuniti global. Masyarakat mula maklum tentang kepentingan ilmu pengetahuan dan informasi dengan itu menerima konsep E-Pembelajaran (*E-Learning*) sebagai model pembelajaran sementara untuk masa hadapan (Asia e University, 2010).

Penggunaan E-Pembelajaran (*E-Learning*) sememangnya lebih fleksibel penggunaannya dalam pembelajaran. Tambahan lagi, bahan pembelajaran didalam E-Pembelajaran (*E-Learning*) lebih mudah untuk diakses dimana sahaja tanpa mengira waktu dan sempadan, disamping mengandungi pelbagai sumber-sumber rujukan termasuk daya tarikan yang menarik dari segi penggunaan multimedia dan grafik dalam E-Pembelajaran (*E-Learning*) Proses mempelajari E-Pembelajaran (*E-Learning*) kini menjadi semakin mudah digunakan seiring dengan perkembangan era global dan era digital informasi.

Menurut Pollard & Hillage (2001), tidak semua pelajar atau organisasi menikmati kelebihan E-Pembelajaran (*E-Learning*). Bagi memastikan penggunaan E-Pembelajaran (*E-Learning*) dapat digunakan secara meluas dan bebas dalam penggunaan yang berkesan dikalangan pelajar, perlu diketahui faktor-faktor yang mempengaruhi kepada penggunaannya.

Selain itu, terdapat banyak faktor yang telah dikenalpasti yang mendorong kepada penggunaan LMS dari kajian-kajian lepas dimana kajian oleh Shiun (2007) menyatakan, antara faktor yang mempengaruhi penggunaan teknologi adalah termasuk kursus teknologi yang diberikan, kebimbangan terhadap teknologi, efektif pengajaran dengan menggunakan teknologi moden, kesediaan terhadap teknologi moden, pengertian terhadap halangan, kebimbangan terhadap teknologi dan kepunyaan rangkaian internet di rumah. Faktor-faktor lain juga turut dijumpai daripada kajian-kajian lepas pada Guru & Menengah (2013), Al-Mobaideen et al. (2012), Azizol (2011) dan Barron (2006) . Namun demikian, kajian lepas kurang melihat kepada kemudahan infrastruktur dan tidak menyertakan faktor dalaman pelajar.

Kajian ini ingin mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi tahap penggunaan E-Pembelajaran (*E-Learning*) bagi meningkatkan keberkesanan penggunaannya kepada pelajar. Kajian ini melihat faktor dan penggunaan E-Pembelajaran (*E-Learning*) di kalangan pelajar di sebuah IPTS di Selangor berdasarkan beberapa faktor-faktor yang dijangka mempengaruhinya meliputi faktor dalaman pelajar dan faktor luaran iaitu faktor infrastruktur di asrama (*mahallah*), faktor infrastruktur kolej selain asrama (*mahallah*) dan faktor sifat sendiri.

Di IPTS tersebut, pendekatan E-Pembelajaran (*E-Learning*) digunakan melalui web *Learning Management System (LMS)*. Penggunaan terhadap E-Pembelajaran (*E-Learning*) di kalangan pelajar IPTS tersebut agak terbatas diatas beberapa faktor. Amat menyedihkan apabila pelajar IPTS tersebut sendiri tidak kerap melayari portal LMS IPTS tersebut untuk sebarang informasi-informasi E-Pembelajaran (*E-Learning*) dalam pembelajaran harian mereka. Keadaan ini menjadi lebih kritikal lagi apabila pelajar terlepas pandang akan informasi-informasi penting yang dikemaskini di dalam LMS, sebagai contohnya; *dateline assignment, quiz, midterm online examination* yang memerlukan pelajar untuk menghantar tugas-tugas tersebut dalam jangka masa yang ditetapkan dengan segera.

Pengenalpastian faktor-faktor seperti infrastruktur di asrama (*mahallah*), infrastruktur kolej selain asrama (*mahallah*), dan sifat sendiri individu antaranya mempengaruhi keberkesanan penggunaan E-Pembelajaran (*E-Learning*) boleh membantu meningkatkan lagi usaha untuk meningkatkan tahap penggunaan E-Pembelajaran (*E-Learning*) dikalangan pelajar IPT.

## 2.0 KAJIAN LITERATUR DAN PEMBENTUKAN HIPOTESIS

Kajian literatur boleh dibahagikan kepada keberkesanan E-Pembelajaran, Learning Management System (LMS), infrastruktur asrama dan selain asrama dan sifat sendiri.

### 2.1 Keberkesanan E-Pembelajaran (*E-Learning*)

Menurut Lim (2002) dan Fakhrul Anuar Aziz (2002), keberkesanan penggunaan E-Pembelajaran (*E-Learning*) bagi tujuan pembelajaran diakui efektif dan efisien. Keberkesanan E-Pembelajaran (*E-Learning*) terhasil daripada sebuah pembelajaran yang meliputi motivasi diri, komunikasi, kecekapan dan teknologi (Pamungkas & Rofiq, n.d.). Berdasarkan buku *Understanding Organizational Behavior*, menurut Zainal Ariffin Ahmad (2009) dalam penulisannya mengatakan bahawa motivasi didefinisikan sebagai daya lingkungan seseorang individu yang mempengaruhi haluan, kegigihan dan ketekunan dalam tingkah laku individu secara sukarela (Steers et al., 2004). Pendapat ni disokong di dalam Dasar e-Pembelajaran Negara (DePAN) untuk Institusi Pengajian Tinggi (Asia e University, 2010) dimana E-Pembelajaran (*E-Learning*) membentuk pelajar yang aktif dan bertanggungjawab, bebas dan berdikari dalam pendidikan.

Menurut Al-Mobaideen, Allahawiah, & Alkhalwaleh (2012), revolusi dalam pembelajaran dan aplikasi pendidikan komputer dan juga penggunaan komputer dalam pendidikan adalah masih baru dan berkembang dari hari ke hari sehingga akhirnya konsep E-Pembelajaran (*E-Learning*) berpandukan teknikal diperkenalkan untuk membekalkan ilmu pendidikan kepada pelajar melalui cara yang efektif.

E-Pembelajaran (*E-Learning*) juga menuntut budaya belajar lebih efektif sehingga penggunaannya harus dapat memotivasi dirinya sendiri untuk belajar (Prakarsa, n.d.). Selain itu, kajian ini disokong lagi dengan kajian Surjono, Dwi, Herman (2015), yang mengatakan bahawa E-Pembelajaran (*E-Learning*) dapat melahirkan sistem pembelajaran yang *flexible* dan *distributed*. Pelajar akan menjadi lebih fleksibel dalam memilih waktu dan tempat belajar kerana tidak perlu datang di suatu tempat pada waktu tertentu. Disamping itu juga, *distributed learning* merujuk kepada pembelajaran dimana pengajar, pelajar dan bahan pembelajaran terletak di lokasi yang berbeza sehingga pelajar dapat belajar tahap batasan waktu dan tempat.

### 2.2 Learning Management Systems (LMS)

Menurut Asia e University (2010) menyokong kajian dari Mohd Koharudin (2004) tentang LMS (*Learning Management System*) yang digunakan sebagai *platform* untuk menyampaikan bahan pembelajaran secara talian; tidak kira dalam bentuk teks atau persembahan dan lebih bersifat informasi dan individualistik. Embi (2010) berpendapat bahawa LMS (*Learning Management System*) atau sistem pengurusan pembelajaran merupakan sistem maklumat yang direka dengan tujuan untuk memudahkan penyampaian kursus atas talian. LMS juga turut menggunakan terma lain seperti CMS (*Course Management System*) dan VLE (*Virtual Learning Environment*).

LMS adalah sistem maklumat yang mentadbir kursus pengajar yang diterajui dan dan menjejaki kemajuan pelajar (Brown & Johnson, 2003). LMS memudahkan usaha dalam latihan, penilaian, dan mengenalpasti prestasi dan pencapaian akademik pelajar.

Menurut Ninoriya (2011), fungsi utama LMS antaranya adalah; pentadbiran berpusat dan automatik, sistem layan diri dan perkhidmatan, penyampaian kandungan pembelajaran dengan cepat, menyatukan inisiatif latihan pada *platform* berasaskan web yang berskala, sokongan mudah alih, dan memperibadikan kandungan pembelajaran sendiri serta membolehkan penggunaan semula ilmu.

### 2.3 Infrastruktur Di Asrama (*Mahallah*) dan Infrastruktur Kolej Selain Asrama (*Mahallah*)

Infrastruktur bermaksud struktur asas sesuatu organisasi, sistem, dan sebagainya. Selain itu, infrastruktur juga bermaksud prasarana, kemudahan dan perkhidmatan asas (seperti kemudahan pengangkutan, pendidikan, kesihatan dan sebagainya, bekalan kuasa elektrik, dan pelbagai kemudahan lain yang diperlukan untuk pembangunan dan pertumbuhan sesebuah negara, masyarakat, organisasi, dan sebagainya).

Kajian ini membahagikan faktor infrastruktur kepada dua iaitu infrastruktur di asrama (*maballah*) dan infrastruktur kolej selain asrama (*maballah*) kerana faktor infrastruktur asrama (*maballah*) sama penting kepada pelajar IPTS tersebut kerana hampir keseluruhan pelajar IPTS tersebut tinggal di asrama (*maballah*) yang disediakan oleh pihak IPTS tersebut.

Infrastruktur kolej selain asrama (*maballah*) terdiri dari perpustakaan, fakulti, hotspot Wifi IPTS tersebut dan lain-lain. Faktor ini juga penting kerana pelajar juga seringkali menghabiskan waktu pembelajaran di infrastruktur kolej selain asrama (*maballah*).

Infrastruktur di asrama (*maballah*) dan infrastruktur kolej selain asrama (*maballah*) berkaitan dengan situasi atau persekitaran seseorang itu berada (Schilke, 2001). Ini disokong oleh SHIUNG (2007), dimana persekitaran pembelajaran yang tidak sesuai menjadi penghalang infrastruktur untuk pelajar menggunakan E-Pembelajaran (*E-Learning*).

## 2.4 Sifat Kendiri

Menurut Bell (2007), E-Pembelajaran (*E-Learning*) didefinisikan sebagai fleksibiliti dan kawalan bagi seorang pelajar untuk dapat memilih waktu dan tempat untuk belajar serta dapat mengatur kegiatan pembelajaran mereka. E-Pembelajaran (*E-Learning*) mengambil kira keperluan dan minat pelajar itu sendiri (ASTD & Masie, 2001).

Perlakuan individu sangat dipengaruhi oleh sikap individu tersebut terhadap sesuatu perkara itu. Sikap yang positif sentiasa membawa kepada perlakuan yang positif dan begitu juga sebaliknya, sikap yang negatif sentiasa membawa kepada perlakuan yang negatif (Manusia et al., 2005). Ini disokong oleh Bandura (1994) yang mendapati bahawa sikap positif terhadap pembelajaran memberi kesan yang kuat kepada motivasi pelajar. Ini berkait rapat dengan tabiat pelajar itu sendiri sama ada menjadikan penggunaan E-Pembelajaran (*E-Learning*) sebagai satu kepentingan ketika menggunakan internet atau sebaliknya. Menurut Veloo & Muhammad (2011), tabiat merujuk kepada sesuatu yang dapat dimiliki, konsisten, kaedah pembelajaran berkesan dan tabiat.

E-Pembelajaran (*E-Learning*) membolehkan pembelajaran sendiri dilaksanakan dengan lebih berkesan (Pengajaran, Pembelajaran, & Di, n.d.) E-pembelajaran membolehkan pembelajaran sendiri dilaksanakan dengan lebih berkesan. Pelajar boleh memilih masa, kandungan serta hala tuju pembelajaran mereka. Pelajar juga berpeluang belajar tajuk yang susah berulang kali sehingga pemahaman dicapai. Mereka juga dapat belajar di dalam suasana yang 'selamat' tanpa berasa malu untuk bertanya. Pertanyaan juga boleh dibuat di dalam talian (Jaya Kumar, 2001).

Hall dan Lindzey (Abdul Hamid, et al. 1999) menyatakan bahawa ahli psikologi bersependapat bahawa setiap individu 'boleh' dan berpotensi untuk maju dalam segala aspek kehidupan mereka sekiranya mereka dibimbing dengan sempurna. E-Pembelajaran (*E-Learning*) memerlukan motivasi diri sendiri (Pollard & Hillage, 2001; Timura, 1995), dedikasi dan disiplin diri sendiri (Pollard & Hilage, 2001). Kemahiran pengurusan masa adalah sangat penting kerana penggunaan E-Pembelajaran (*E-Learning*) adalah berpandukan kepada diri sendiri (SHIUNG, 2007).

## 3.0 HIPOTESIS KAJIAN

Terdapat tiga hipotesis kajian yang diuji oleh pengkaji dalam menjalankan kajian ini. Berikut adalah ketiga-tiga hipotesis kajian yang telah diuji:

Hipotesis Pertama: Hubungan antara infrastruktur di asrama (*maballah*) dengan keberkesanan penggunaan E-Pembelajaran (*E-Learning*).

H<sub>1</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara infrastruktur di asrama (*maballah*) dengan keberkesanan penggunaan E-Pembelajaran (*E-Learning*). Pengkaji menjangkakan semakin baik infrastruktur di asrama (*maballah*), maka semakin tinggi keberkesanan penggunaan E-Pembelajaran (*E-Learning*).

Hipotesis Kedua: Hubungan antara infrastruktur kolej selain asrama (*maballah*) dengan keberkesanan penggunaan E-Pembelajaran (*E-Learning*).

H<sub>1</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara infrastruktur kolej selain asrama (*maballah*) dengan keberkesanan penggunaan E-Pembelajaran (*E-Learning*). Pengkaji menjangkakan semakin baik infrastruktur kolej selain asrama (*maballah*), maka semakin tinggi keberkesanan penggunaan E-Pembelajaran (*E-Learning*).

Hipotesis Ketiga: Hubungan antara sifat sendiri dengan keberkesanan penggunaan E-Pembelajaran (*E-Learning*).

H<sub>1</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara sifat sendiri dengan keberkesanan penggunaan E-Pembelajaran (*E-Learning*). Pengkaji menjangkakan semakin positif tahap sifat sendiri responden, maka semakin tinggi keberkesanan penggunaan E-Pembelajaran (*E-Learning*).

#### 4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif. Data dikumpulkan dengan cara mengedarkan borang kaji selidik kepada pelajar sebuah IPT di Selangor. Borang soal kaji selidik merupakan teknik pengumpulan data yang dipilih dalam kajian ini. Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar IPTS di Selangor. Seramai 200 orang pelajar yang terlibat di tempat kajian dan sampel dipilih secara rawak.

#### 4.1 Ujian Kebolehpercayaan

Jadual 1 Ujian kebolehpercayaan data bagi setiap pemboleh ubah

Bahagian	Perkara	Bil. Soalan	Alpha Cronbach
<b>A</b>	Demografik	4	-
<b>(Pemboleh ubah Tidak Bersandar)</b>	Infrastruktur di asrama ( <i>maballah</i> )		
	Infrastruktur kolej selain asrama ( <i>maballah</i> )		
	Sifat Kendiri		
<b>B(I)</b>		8	0.593
<b>B(II)</b>		9	0.667
<b>B(III)</b>		10	0.676
<b>(Pemboleh ubah Bersandar)</b>	Keberkesanan penggunaan E-Pembelajaran ( <i>E-Learning</i> )	10	0.867
<b>B(IV)</b>			

Dapatan kajian yang lebih tepat boleh diperoleh sekiranya kesemua pemboleh ubah didalam borang soal selidik menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Keputusan hasil ujian kebolehpercayaan (*Cronbach Alpha*) pada keseluruhan soal selidik kajian ini menunjukkan keberkesanan penggunaan E-Pembelajaran (*E-Learning*) yang merupakan pemboleh ubah bersandar memperoleh nilai 0.867 iaitu nilai pekali korelasi yang sangat tinggi. Pemboleh ubah tidak bersandar iaitu infrastruktur di asrama (*maballah*) mencatat sebanyak 0.593 nilai, infrastruktur kolej selain asrama (*maballah*) mencatat nilai 0.667 manakala sifat sendiri pula menunjukkan nilai 0.767.

#### 5.0 HASIL KAJIAN

Hasil kajian dibahagikan kepada tiga iaitu hasil kajian deskriptif, demografi responden dan hasil analisa korelasi.

##### 5.1 Hasil Kajian Deskriptif

Secara keseluruhannya, analisis deskriptif min pada keempat-empat pemboleh ubah infrastruktur di asrama (*maballah*), infrastruktur kolej selain asrama (*maballah*), sifat sendiri dan keberkesanan penggunaan E-Pembelajaran (*E-Learning*) dapat dikelaskan pada tahap penilaian sederhana di kalangan responden kajian. Jadual 2 menunjukkan analisis pengelasan skor min dan tahap penilaian skor min:

Jadual 2 Analisis Pengelasan Skor Min dan Tahap Penilaian

Skor Min	Tahap Penilaian
1.00-2.33	Rendah
2.34-3.67	Sederhana
3.68-5.00	Tinggi

Sumber: Pallant, J (2007)

Secara rumusan dari segi pengukuran skor min dan tahap bagi analisis skor min didalam kajian ini adalah seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3 Rumusan Analisis Skor Min

Pemboleh ubah	Skor Min	Tahap
Infrastruktur di asrama ( <i>maballab</i> )	3.08	Sederhana
Infrastruktur di luar asrama ( <i>maballab</i> )	3.19	Sederhana
Sifat sendiri	3.53	Sederhana
Keberkesanan penggunaan E-Pembelajaran ( <i>E-Learning</i> )	3.52	Sederhana

## 5.2 Demografi Responden

Demografi responden kajian boleh dirujuk pada jadual di bawah:

Jadual 4 Profil Demografi Responden

Jantina	Lelaki	32	16.0
	Perempuan	168	84.0
Fakulti pengajian	Pengajian Asasi (PA)	30	15.0
	Fakulti Pendidikan (FP)	30	15.0
	Fakulti Pengajian Islam (FPI)	60	30.0
	Fakulti Pengurusan (FP)	50	25.0
	Fakulti Teknologi Maklumat (FTM)	30	15.0
Kekerapan menggunakan <i>E-Learning</i> dalam seminggu	Kurang 1 kali	47	23.5
	2-3 kali	100	50.0
	4-5 kali	29	14.5
	5-6 kali	5	2.5
	Lebih 7 kali	19	9.5
Penggunaan <i>E-Learning</i> atas kehendak sendiri	Ya	179	89.5
	Tidak	21	10.5

## 5.3 Analisa Ujian Korelasi

Kaedah analisa data yang digunakan ialah kaedah korelasi Pearson kerana data yang digunakan adalah bertahap nominal dan seterusnya dapat menjawab persoalan kajian ini. Menurut Sekaran (2005), secara teorinya ini boleh menjadi korelasi positif atau negatif yang sempurna antara dua pemboleh ubah, yang diwakili oleh 1.0 (1.0 @ - 1.0).

Bagi menguji ukuran kekuatan hubungan diantara pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar, pengkaji menggunakan kaedah korelasi *pearson*. Menurut Lay Yoon Fah & Khoo Chwee Hoon (2009) korelasi ini terdiri daripada tiga jenis hubungan yang mungkin wujud diantara pemboleh ubah samada korelasi linear positif, korelasi linear negatif ataupun tiada korelasi.

Penentuan kekuatan perhubungan di antara dua pemboleh ubah dapat dilihat berdasarkan nilai julat *Pearson Correlation* ( $r$ ) adalah di antara -1.00 kepada +1.00, nilai ini menunjukkan wujudnya satu hubungan yang sempurna di antara kedua dua pemboleh ubah, manakala *Correlation*  $r=0$  menunjukkan tiada hubungan langsung di antara kedua-dua pemboleh ubah.

Menurut Noraini Idris (2010), menyatakan hubungan korelasi positif bermaksud jika pemboleh ubah tidak bersandar mempunyai nilai yang tinggi, maka pemboleh ubah bersandar juga mempunyai nilai yang tinggi. Sebaliknya hubungan korelasi yang negatif pula, Noraini Idris (2010) menyatakan jika pemboleh ubah tidak bersandar tidak mempunyai nilai yang tinggi maka pemboleh ubah bersandar akan mempunyai nilai yang rendah.

Jadual 5 Anggaran kekuatan perhubungan antara dua pemboleh ubah

Pekali Korelasi <i>Pearson</i>	Kekuatan Hubungan
0.00-0.20	Boleh diabaikan
0.20-0.40	Rendah
0.40-0.60	Sederhana
0.60-0.80	Tinggi
0.80-1.00	Sangat tinggi

Sumber: Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial, 1997: Alias Baba

Jadual 6 Kolerasi hubungan antara keberkesanan penggunaan E-Pembelajaran (E-Learning) dengan faktor-faktor yang mempengaruhi kepada penggunaannya

		PB	PTB I	PTB II	PTB III
Keberkesanan penggunaan E-Pembelajaran ( <i>E-Learning</i> ) (PB)	Kolerasi Pearson	1	.187**	.470**	.750**
	Sig. (2-tailed)		.008	.000	.000
	N	200	200	200	200
Infrastruktur di asrama (PTB I)	Kolerasi Pearson	.187**	1	.418**	.199**
	Sig. (2-tailed)	.008		.000	.005
	N	200	200	200	200
Infrastruktur kolej selain asrama (PTB II)	Kolerasi Pearson	.470**	.418**	1	.430**
	Sig. (2-tailed)	.000	.000		.000
	N	200	200	200	200
Sifat sendiri (PTB III)	Kolerasi Pearson	.750**	.199**	.430**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	.005	.000	
	N	200	200	200	200

\*\* Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

PB: Pemboleh ubah Bersandar

PTB: Pemboleh ubah Tidak Bersandar

## 5.4 Ringkasan Hasil Kajian

Jadual 7 Ringkasan keputusan hipotesis

No.	Hipotesis	Butiran	Keputusan
1	H1	Terdapat hubungan yang signifikan antara infrastruktur di asrama ( <i>maballah</i> ) dengan keberkesanan penggunaan E-Pembelajaran ( <i>E-Learning</i> ).	Diterima
2	H2	Terdapat hubungan yang signifikan antara infrastruktur kolej selain asrama ( <i>maballah</i> ) dengan keberkesanan penggunaan E-Pembelajaran ( <i>E-Learning</i> ).	Diterima
3	H3	Terdapat hubungan yang signifikan antara sifat sendiri dengan keberkesanan penggunaan E-Pembelajaran ( <i>E-Learning</i> ).	Diterima

## 6.0 KESIMPULAN

Menurut hasil kajian yang telah dibincangkan, pengkaji mendapati bahawa keseluruhan faktor-faktor dalam mempengaruhi keberkesanan penggunaan E-Pembelajaran (*E-Learning*) adalah amat penting. Pengkaji merasakan pihak pengurusan IPTS perlu meningkatkan lagi infrastruktur sedia ada di asrama (*maballah*) mahupun infrastruktur kolej selain asrama (*maballah*) yang mana akan dapat meningkatkan tahap kecenderungan keberkesanan penggunaan E-Pembelajaran (*E-Learning*) dikalangan pelajar IPTS tersebut.

Dari segi infrastruktur di asrama (*maballah*), pengkaji merasakan pihak yang pengurusan IPTS tersebut perlu melakukan pembaikan di asrama (*maballah*). Sambungan internet di asrama (*maballah*) perlu sentiasa berada pada tahap yang memuaskan supaya pelajar dapat menggunakan internet dengan sempurna dan E-Pembelajaran (*E-Learning*) dapat di akses di asrama (*maballah*). Sambungan internet perlu diperbaiki dari segi kelajuan, bilangan pemancar dan kawasan liputan dengan kerap supaya segala kerosakan dan kelemahan dapat dibaiki dengan segera.

Bagi infrastruktur kolej selain asrama (*maballah*), pengkaji mencadangkan agar sambungan internet perlu diperluaskan lagi dan perlu dibaiki dari segi kelajuan sambungan lebih-lebih di kawasan yang menjadi tumpuan pelajar di IPTS tersebut seperti di kesemua fakulti dan perpustakaan. Penambahan bilangan komputer di perpustakaan juga harus dinaiktaraf. Selain itu juga, E-Pembelajaran (*E-Learning*) juga perlu dibuat lebih menarik dari segi sistem yang memudahkan penggunaan, lebih sistematik dan interaktif supaya pelajar lebih mudah dan faham untuk menggunakannya.

Selain dari itu, pengkaji merasakan sifat sendiri pelajar memainkan peranan yang penting dalam keberkesanan penggunaan E-Pembelajaran (*E-Learning*) seperti yang telah terbukti pada hasil kajian ini dimana faktor sifat sendiri paling signifikan dan mempunyai peratus yang tinggi dalam mempengaruhi keberkesanan penggunaan E-Pembelajaran (*E-Learning*). Oleh itu, pengkaji mencadangkan supaya pelajar perlu mempraktikkan pembelajaran menggunakan E-Pembelajaran (*E-Learning*) didalam penyampaian pembelajaran supaya penggunaan E-Pembelajaran (*E-Learning*) yang berkesan dapat melahirkan pelajar

yang mempunyai sifat sendiri yang tinggi secara tidak langsung dapat melahirkan pelajar yang lebih celik dalam teknologi dan membentuk pelajar yang holistik dari semua perkara pada masa yang sama.

Terdapat limitasi kajian ini yang harus diambil kira dalam menilai hasil kajian. Pertama, kajian ini cuma melihat kepada tiga faktor sahaja iaitu faktor infrastruktur asrama (*maballah*), faktor infrastruktur kolej selain asrama (*maballah*) dan faktor sifat sendiri. Kajian ini tidak mengambil kira faktor-faktor lain seperti faktor pendapatan isi keluarga, faktor pendidikan dan sebagainya. Justeru, hasil kajian ini hanya dilimitasikan kepada tiga faktor-faktor ini sahaja

Kedua, kajian ini menggunakan sampel dari pelajar sebuah institusi pengajian sahaja. Hasil kajian ini mungkin berbeza dengan sampel dari pelajar di institusi pengajian yang lain. Maka hasil kajian ini tidak boleh mewakili keseluruhan kepada pelajar di kesemua institusi pengajian tinggi yang berbeza.

Berdasarkan limitasi-limitasi kajian yang sedia ada, diharapkan pengkaji akan datang yang ingin menjalankan kajian yang sama untuk mengetengahkan pelbagai lagi faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan penggunaan E-Pembelajaran (*E-Learning*) contohnya seperti faktor pendapatan isi keluarga dan lain-lain. Dicadangkan juga supaya pengkaji akan datang untuk membuat perbandingan kajian keberkesanan penggunaan E-Pembelajaran (*E-Learning*) dengan institusi pengajian yang lain supaya maklumat hasil kajian lebih dapat dilihat daripada pelbagai institusi pengajian.

## 7.0 RUJUKAN

- Abdullah, Z. A. (2005). *Dakwah dan Etika Politik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Al-Ghazali, A. H. (2005). *Ihya' Ulum al-Din*. Kaherah: Dar al-Tauzi wa al- Nasyr al- Islamiyah.
- Ali, A. (1995). *Islamic Perspective on Management and Organization*.
- Al-Qadrawi, Y. (1993). *Pengertian Taubid*. Kuala Lumpur: Pustaka salam sdn.bhd.
- Babbie, E. (2007). *Practice of Social Research*. United States: Cengage Learning.
- Baharom Muhammad, A. E. (16 Oktober, 2008). Pendekatan Tauhid dalam Kepimpinan Pendidikan. *Seminar kebangsaan Pengurusan Pendidikan PKPGB, Universiti Tun Hussien Onn Malaysia*.
- Burns, J. (1978). *Leadership*. New York: Harper & Row.
- Bursa Malaysia. (4 April, 2013). Retrieved from Bursa Malaysia: <http://bursamalaysia.com/market/sustainability/frameworks/bursa-malaysia-csr-framework/> diakses
- Carter. (14 Februari, 2013). *Overview of Leadership in Organization*. Retrieved from Laman sesawang Management Help (Leadership): <http://www.managementhelp.org/ldrship/>.
- Churchill, G. (16 February, 1979). A Paradigm For Developing Better Measures of Marketing Constructs. *Journal of Marketing Research*, 64-73.
- Cohen, J. (1988). *Statistical Power Analysis for The behavioral Sciences* (2th ed.). New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.
- Cronbach, L. (1946). *Response Set and Test Validity*. Educational and Psychological Measurement 6.
- Davies, J. (1971). *Elementary Survey Analysis*. New Jersey: Prentice Hall.
- Fauzan. (2008). *M.A Islam dan Kemodenan Politik berbaris Muda*. Tangerang: Binamuda Ciptakreasi.
- Field, A. (2011). In *Discovering Statistic Using SPSS* (3th ed., p. 659). London: Sage Publication.
- Golden, T. (1955). *Group-Centered Leadership*. New York: Houghton Mifflin.
- Hassan, H. (11 Feb, 2004). *Kepentingan Pemikiran Kritis dan kreatif dalam Pendidikan*. Retrieved from *Pemikiran Islam*: <http://www.rsi.com.sg/malay/pemikiran>
- Hefniy. (2007). *keimpinan Pendidikan Berdasarkan Perspektif Al-Quran*. Thesis Sarjana Universiti Islam Negeri.
- Hollander, E. P. (1978). *Leadership Dynamics*. New York: Free Press.
- Ibrahim, I. H. (1999). Etika Kepimpinan Dalam Islam. *Seminar Kepimpinan Islam Serantau Akademi Pengkaji Islam Universiti Malaya*, (p. 14 dan 15 Jun ).
- Ismail, S. (2010). Pembentukan Organisasi Cemerlang. *Jurnal usuluddin*, Jil.29, 214.
- Ismail, S. H. (2010). *Etika penjawat Awam Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jamsari, E. A. (2012). The Basis of leadership In Islam. In *Advance in Natural and Applied Sciences* (pp. Jil.6, No. 8).
- Kamri, N. A. (2002). *Nilai dan Etika Dalam Pengurusan Islam* . Kuala Lumpur: (Disertasi Sarjana Jabatan Syariah dan Pengurusan, Bahagian Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Kamus Dewan*. ed. ke-3. (2000). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khan, K. (2010). *Organizational Justice and Jobs Outcome : Moderating Role Of Islamic Work Ethic*. Springer Science and Business Media Dordrecht.

- Kline, M. (2006). The Relationship between Motivational Variables, Anxiety, Exposure to English and Language Learning Strategies Among Adult ESL Learners. *PhD, University of South California*.
- Konting, M. M. (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Latif, M. N. (2007). *Keberkesanan Penerapan Nilai dan Etika Kerja Islam dalam Pentadbiran Awam: Kajian di Jabatan Perkhidmatan Awam*. Kuala Lumpur: Disertasi Sarjana, Bahagian Syariah, Akademi Pengajian Islam.
- Malaysia, J. K. (2009). *Kepimpinan adalah tanggungjawab bukan satu keistimewaan. Khutbah Jumaat*.
- Merican, S. (2006). *Penyelidikan Science Social-Pendekatan Pragmatik*. Selangor: Edusystem Sdn. Bhd.
- Muhammad, M. Z. (January 2008). An Analysis of Islamic Ethics in Small Enterprise. *Unitar E-Journal* 4:1, 49.
- Nor, G. b. (2011). *The Influence of Leadership Style On Job performance At The International Islamic College Kuala Lumpur*. Kedah: Thesis Sarjana UUM.
- Norhasniah, W. (n.d.). Work Ethic from Islam Perspective in Malaysia.
- Norlela Kamaluddin, S. K. (2010). The Conceptual framework of Islamic Work Ethics (IWE). In *Malaysian Accounting Review, Special Issue* (Vol. 9, p. 62).
- Nouris, M. (1977). *SPSS Professional Statistic 7.5*. Chicago: North Michigan.
- Nunnally, J. (1978). *Psychometric Theory* (2 ed.). New York: McGraw Hill Book Company.
- Pallant, J. (2001). *SPSS Survival Manual-a step by step guide to data analysis using SPSS for Windows (Version 10)*. Buckingham Open University Press.
- Piaw, C. Y. (2012). *Asas Statistik Penyelidikan Edisi ke-2*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Polit, D. F., & Beck, C. &. (2001). *Essential of Nursing Research: Methods, Appraisal and Utilization*. (5th). (L. W. Wilkins, Ed.) Philadelphia.
- Rahman, Z. h. (2008). *Wanita Sebagai Calon Pilihanraya : Suatu Perbahasan Dari Sudut Siyasah Syar'iyah*. Utusan Publications & Distributor Sdn.Bhd.
- Rokhman, W. (2001). The Principles of Islamic Work Ethics on Work Outcomes. *Electronic Journal of Business Ethics and Organization Studies*, 24.
- Rose, N. d. (2009). Examining The link Between Islamic Work Ethics and Innovation Capabilities. *Journal of Management Development*, 79-93.
- Rosow, D. (2001). *Business Ethics*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Sekaran, U. (2005). *Research Methods for Business : A Skill Building Approach*. Singapore: John Wiley and Sons.
- Shafi, N. H. (April 2016). Pendekatan Kepimpinan Islam Mempengaruhi Etika Kerja Islam Dalam Sebuah Organisasi: Kajian Di Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan., (pp. 72-74).
- Shiun, T. K. (2007). KAJIAN MENGENAI PENGGUNAAN E-PEMBELAJARAN (E-LEARNING).
- Sobhani, S. M. (2008). *Managerial Leadership : An Islamic Perspective*. Kuala Lumpur: IIUC Studies.
- Spencer, H. (1978). *The Principles of Ethics*. Oxford : Blackwell .
- Teh, K. S. (2008). *Pengantar Ilmu Taubid*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Utah, R. b. (2 September, 2013). IBM SpSS Statistics for Windows.
- Yunus, A. R. (2001). *Demokrasi dan Kepimpinan Islam : Suatu Perbandingan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.